

25/10/2003

Cubaan burukkan Malaysia tidak jejas pelancong asing

MIRI: Jumlah pelancong asing ke negara ini akan terus meningkat walaupun beberapa puak pelampau Yahudi di Amerika Syarikat cuba memburuk-burukkan Malaysia dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata Menteri

Pelancongan Sarawak, Datuk Seri Abang Johari Tun Openg.

Beliau berkata, industri pelancongan negara mampu bertahan dan berkembang pesat kerana tidak semua pelancong asing terpengaruh dengan hasutan jahat itu.

"Biarlah mereka terus melobi memulaukan Malaysia. Kita pun tidak rugi apa-apa. Kita yakin pelancong asing, termasuk dari Amerika akan terus berkunjung ke negara kita.

"Kita pun masih mempunyai pasaran luas di Timur Jauh. Malah, bagi pelancong Jepun dan Korea Selatan, tindakan melobi pihak terbabit adalah satu perbuatan sia-sia dan retorik," katanya kepada pemberita selepas menganjurkan majlis makan malam meraikan peserta Cabaran Perlumbaan Kapal

Layar Piala Borneo 2003 di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan media asing mengenai Simon Wiesenthal Centre, sebuah puak pelampau Yahudi Amerika yang mengutuk Dr Mahathir dan menyifatkan beliau sebagai anti-Yahudi.

Kenyataan puak pelampau itu dianggap sebagai serangan balas terhadap kenyataan Dr Mahathir yang melabelkan Yahudi sebagai bongkak, selain menuduh keturunan itu cuba menguasai dunia melalui proksinya.

Abang Johari berkata, biarpun ada usaha melobi supaya masyarakat dunia memulaukan industri pelancongan negara, beliau yakin pelancong tidak akan menghiraukan tindakan jahat itu.

"Kita yakin, usaha itu akan gagal. Ini samalah macam usaha sesetengah negara yang melobi supaya tidak membeli barangan dari negara tertentu. Kita pun pernah kena dulu... macam isu minyak sawit dan kacang soya.

"Lagipun, bukan semua masyarakat dunia sukakan Yahudi, lebih-lebih lagi selepas menyaksikan kezaliman rejim mereka terhadap penduduk Palestin," katanya.